


Newspaper	Berita Harian
Date	19 October 2015



**Najib beramah mesra dengan perwakilan** pada Persidangan Perwakilan Nasional GERAKAN Ke-44 di Shah Alam, semalam.

[FOTO MUHAMMAD SULAIMAN/BH]

# Aib pemimpin sikap biadab

BH - 19/10/2015

» **Boleh suara ketidakpuasan hati menerusi pilihan raya umum: PM**

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Mohd Hamizar Hamid  
bhnews@bh.com.my

► **Shah Alam**

**D**atuk Seri Najib Razak menyifatkan tindakan sesetengah pihak yang berterusan menghina dan mengaibkan pemimpin negara kerana tidak berpuas hati dengan dasar kerajaan sebagai biadab.

Perdana Menteri berkata, mereka boleh menyuarakan

ketidakpuasan hati mereka menerusi undi pada pilihan raya umum akan datang dan bukannya mengambil tindakan sedemikian.

“Kita berharap pihak terabit janganlah terlalu biadab, sebab setiap tindakan pasti akan ada reaksi. Sebagai contoh, jika mereka melakukan perbuatan biadab itu, sudah pasti akan ada reaksi daripada mereka yang percaya (kerajaan).

**Bertindak matang**

“Paling penting, jangan menghina dan mengaibkan pemimpin dan perlu bertindak matang serta meneliti nilai baik dalam demokrasi,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) Ke-44 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden

GERAKAN, Datuk Mah Siew Keong dan Timbalannya, Datuk Dr Cheah Soon Hai.

Persidangan dua hari berakhir semalam itu dihadiri 1,618 perwakilan dari seluruh negara.

Dalam ucapan sama Najib menafikan dakwaan bahawa Malaysia adalah sebuah negara polis.

“Ada pihak yang mengatakan Malaysia negara polis ketika kita ada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

“Ini (Malaysia) bukannya negara polis, tetapi kita mempunyai undang-undang dan ia sangat penting bagi memastikan kita terus teguh sebagai sebuah bangsa.

“Kita perlu mempunyai semangat itu, malah pemimpin terdahulu termasuk Tun Tan Cheng Lock dan Tun V T Sambanthan selain arwah bapa saya (Tun Abdul Razak

Hussein) menekankan kepentingan integrasi,” katanya.

**Anak watan**

Najib yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) juga menegaskan masyarakat Cina negara ini tidak sepatutnya digelar sebagai pendatang, sebaliknya mereka adalah anak watan yang turut menyumbang kepada pembangunan negara.

“Anda (kaum Cina) bukan pendatang. Anda adalah anak watan. Anda semua dilahirkan di sini, membesar di sini dan apabila tiba masanya meninggal dunia akan dikuburkan di sini,” katanya.

Najib juga sekali lagi mengulangi pendidikan Cina di negara ini akan terus wujud dan penubuhannya sudah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.